

Minyak: Langkah2 bantu petani, nelayan

KOTA BHARU, Sabtu — Kerajaan akan menimbang langkah-langkah "istimewa" membantu sektor pertanian dan perikanan sekiranya kenaikan harga minyak sekarang memberi kesan buruk kepada kedua sektor berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Haji Zakaria Abdul Rahman, berkata, bagaimanapun, buat masa ini kementerianya dan agensi-agensi pertanian lain akan sentiasa mengawasi kesan kenaikan tersebut terhadap petani dan nelayan.

Katanya, kenaikan harga minyak yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, kelmarin tidak hanya menjejaskan sektor pertanian dan perikanan, malah sektor awam lain di negara ini.

Oleh itu, jelasnya, kementerianya akan bekerjasama dengan lain-lain kementerian dalam menghadapi kesan-kesan kenaikan itu.

"Jika kesannya bertambah buruk kepada petani dan nelayan, kita akan bincangkan perkara itu di peringkat kementerian untuk mengambil langkah istimewa yang diperlukan," tambahnya ketika ditemui selepas menyampaikan bantuan dua buah trektor pembajak kepada Koperasi Peladang Kubang Sepat, kira-kira 10 batu dari sini, hari ini.

Bellau tidak menafikan kenaikan harga minyak sekarang akan melibatkan kenaikan kos ladang dan bot nelayan.

Kementerianya telah mengambil langkah perediaan menghadapi kesan terhadap kedua sektor itu.